

[REPRESENTATION OF WOMEN IN THE CHILDREN'S NARRATIVE OF CINDERELLA (ARABIC VERSION): LINGUISTIC AND FEMINIST ANALYSIS]

REPRESENTASI WANITA DALAM NARATIF KANAK-KANAK CINDERELLA VERSI BAHASA ARAB: ANALISIS LINGUISTIK DAN FEMINIS

Nur Asyiqin Zohkarnain
p144762@siswa.ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Nur Afiqah Athirah Mohd Rushdi
p116037@siswa.ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Firuz-Akhtar Lubis
firuz@ukm.edu.my (Corresponding Author)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Isu representasi wanita dalam sastera Islami sering menimbulkan persoalan tentang bagaimana bahasa membentuk persepsi terhadap gender khususnya apabila watak wanita digambarkan secara stereotaip seperti watak kakak tiri yang berperanan antagonis. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis keperibadian dan perwatakan kakak tiri dalam teks naratif kanak-kanak Cinderella versi Bahasa Arab dengan meneliti bagaimana unsur linguistik seperti kata adjektif, frasa nama serta perbuatan dan tindakan digunakan untuk menggambarkan emosi, kuasa dan hubungan sosial wanita. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap korpus Cinderella versi Bahasa Arab berasaskan kerangka analisis wacana feminis bagi menelusuri makna tersirat dalam struktur bahasa dan penceritaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa memainkan peranan penting dalam membentuk gambaran terhadap wanita, sama ada dengan mengukuhkan imej negatif atau menonjolkan kekuatan dalaman serta keinginan untuk diakui. Dapatan ini membuktikan bahawa bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai medium penentangan simbolik terhadap dominasi patriarki dan ruang untuk menafsir semula kedudukan wanita dalam nilai Islam yang lebih adil dan seimbang. Kajian ini mencadangkan supaya penyelidikan lanjutan menumpukan kepada perbandingan antara teks klasik dan moden Islami bagi menilai perkembangan gambaran dan identiti wanita dari semasa ke semasa.

Kata Kunci: wanita; naratif kanak-kanak; Cinderella; analisis feminis; linguistik

Abstract

The issue of women's representation in Islamic literature often raises questions about how language shapes perceptions of gender, particularly when female characters are portrayed stereotypically, such as the step-sister who assumes an antagonistic role. This study aims to analyze the personality and characterization of the step-sister in the Arabic version of the children's narrative Cinderella by examining how linguistic elements such as adjectives, noun phrases, actions, and behaviors, are employed to depict women's emotions, power, and social relationships. A qualitative content analysis was conducted on the Arabic Cinderella corpus using a feminist discourse analysis framework to uncover the implicit meanings embedded in language structures and storytelling. The findings reveal that language plays a crucial role in shaping perceptions of women, either by reinforcing negative images or by highlighting inner strength and the desire for recognition. The results demonstrate that language functions not merely as a tool of communication but also as a medium of symbolic resistance against patriarchal dominance and as a space to reinterpret women's positions within more equitable and just Islamic values. This study recommends further research comparing classical and modern Islamic texts to evaluate the evolution of women's representation and identity over time.

Keywords: woman; children's narrative; Cinderella; feminist analysis; linguistic

Article Received:
14 November 2025

Article Reviewed:
24 November 2025

Article Published:
5 December 2025

PENGENALAN

Perbahasan tentang wanita dalam sastra Islami sering memperlihatkan pertembungan antara nilai keagamaan dan tanggapan budaya terhadap gender (Mernissi, 1991; Mohamad, 2017). Dalam karya sastra, wanita lazimnya digambarkan melalui dua imej berbeza sama ada sebagai lambang kelembutan, kesabaran dan iman, atau sebaliknya sebagai simbol kejahatan dan iri hati (Taha, 2015). Dalam kisah Cinderella versi bahasa Arab, pelbagai watak wanita seperti Cinderella, kakak tiri dan ibu tiri menampilkan rangkaian imej feminin yang kompleks, merangkumi sifat pasrah dan taat, sifat menguasai dan menindas, serta sifat hasad dan marah. Walaupun karya ini berasal daripada kisah rakyat Barat, versi Arabnya menampilkan penyesuaian nilai moral dan budaya yang lebih berasaskan pandangan dunia Islam, misalnya melalui penekanan terhadap konsep balasan ilahi, adab terhadap ahli keluarga, serta pembezaan jelas antara sifat wanita beriman dan wanita yang menurut hawa nafsu (Al-Harbi, 2019).

Masalah utama yang dikaji dalam penyelidikan ini ialah bagaimana bahasa digunakan untuk membentuk gambaran terhadap watak-watak wanita, khususnya Cinderella, kakak tiri dan ibu tiri, serta sejauh mana pemilihan kata dan struktur ayat mempengaruhi persepsi gender dalam konteks sastra Islami. Persoalan yang ingin dijawab ialah: adakah pilihan kata sifat, frasa nama dan deskripsi tindakan yang digunakan terhadap ketiga-tiga watak wanita ini sekadar mengukuhkan dikotomi “wanita baik” lawan “wanita jahat”, atau adakah ia turut membuka ruang kepada pembacaan yang lebih bernuansa tentang kedudukan, agensi dan pengalaman wanita?

Dalam hal ini, pendekatan feminisme bahasa membolehkan penyelidik menelusuri hubungan antara struktur linguistik dan kedudukan sosial wanita (Cameron, 1998; Holmes & Meyerhoff, 2003). Melalui analisis terhadap kata adjektif, frasa nama, serta tindakan yang dikaitkan dengan Cinderella, kakak tiri dan ibu tiri, kajian ini cuba memahami bagaimana pengarang menggunakan bahasa untuk menggambarkan kuasa, emosi dan hubungan sosial wanita dalam konteks budaya Islam. Objektif kajian ini ialah (i) mengenal pasti bentuk-bentuk representasi linguistik terhadap watak-watak wanita dalam naratif Cinderella versi bahasa Arab, dan (ii) menilai bagaimana bentuk representasi tersebut mencerminkan, mengukuhkan atau merunding semula nilai dan stereotaip gender dalam kerangka sastra Islami.

Selain itu, bahasa dalam karya ini turut berfungsi sebagai alat penentangan simbolik terhadap patriarki, di mana sebahagian watak wanita, khususnya kakak tiri dan ibu tiri, menzahirkan kekuatan dalaman dan keinginan untuk diakui melalui ujaran serta tindakannya (Fairclough, 1995; Lazar, 2005). Dalam masa yang sama, watak Cinderella sering digambarkan secara ideal sebagai sabar dan taat, namun tetap mempunyai dimensi agensi tersendiri. Walaupun sebahagian watak wanita sering diberikan konotasi negatif, ketiga-tiga watak ini sebenarnya memperlihatkan dimensi kemanusiaan yang lebih kompleks. Oleh itu, analisis feminisme bahasa bukan sahaja membantu memahami bias gender dalam teks, tetapi juga membuka peluang untuk menilai semula gambaran wanita dalam sastra Islami secara lebih adil dan seimbang (Zaidan, 2018). Secara keseluruhannya, pengenalan ini meletakkan asas teori dan konteks adaptasi versi Arab Cinderella sebagai latar kajian, sekali gus memudahkan kesinambungan perbincangan kepada kerangka teori, metodologi analisis linguistik dan dapatan kajian yang akan diuraikan dalam bahagian-bahagian seterusnya.

NARATIF KANAK-KANAK “CINDERELLA” OLEH BROTHERS GRIMM

Versi asli cerita rakyat kanak-kanak “Cinderella” atau dikenali sebagai “*Aschenputtel*” dalam bahasa Jerman, oleh The Brothers Grimm (1812). Ia muncul dalam koleksi terkenal mereka, iaitu “*Kinder-und Hausmärchen*” (Kisah Kanak-kanak dan Cerita Rumahtangga), yang lebih

dikenali sebagai *Grimm's Fairy Tales* (Kisah Dongeng Grimm). Cerita ini kemudiannya diterjemahkan dalam bahasa Arab oleh Marwa Abdel Fattah Shehata (2012).

Secara ringkas, sinopsis cerita ini mengisahkan seorang gadis muda bernama Cinderella yang kehilangan ibunya dan kemudiannya tinggal bersama bapa, ibu tiri, serta dua orang kakak tiri. Selepas kematian ibunya, Cinderella diperlakukan secara tidak adil oleh ibu tiri dan kakak tirinya, yang memaksanya melakukan kerja-kerja rumah dan melayaninya dengan kejam. Walaupun berdepan pelbagai penderitaan, Cinderella tetap menunjukkan sifat sabar dan berpegang teguh kepada nilai-nilai kebaikan. Satu-satunya tempat dia mendapat ketenangan ialah di kubur ibunya, di mana dia menanam sebatang pokok hazel dan berdoa, lalu seekor burung ajaib sering membantunya memenuhi hajat.

Klimaks kisah ini berlaku apabila istana mengadakan majlis tari-menari untuk mencari calon isteri kepada putera raja. Dengan bantuan burung ajaib, Cinderella memperoleh pakaian indah dan dapat menghadiri majlis tersebut tanpa pengetahuan ibu tirinya. Setelah Cinderella meninggalkan kasut emas di istana, putera raja memulakan pencarian. Ibu tiri, yang tamak dan licik, memaksa kedua-dua anak perempuannya memotong bahagian kaki, iaitu seorang jari kaki dan seorang lagi tumit, agar muat dengan kasut emas tersebut, namun penipuan itu terbongkar dengan bantuan burung ajaib. Akhirnya, putera raja berjaya menemui Cinderella sebagai pemilik sebenar kasut emas itu, lalu mereka berkahwin, manakala ibu tiri serta kakak tirinya menerima balasan setimpal atas kezaliman yang dilakukan terhadap Cinderella.

Sebagai kesimpulan, naratif "Cinderella" versi Brothers Grimm jelas memperlihatkan kepelbagaian watak wanita yang signifikan, merangkumi watak Cinderella yang sabar dan berpegang pada nilai kebaikan, ibu tiri yang kejam dan manipulatif, serta kakak tiri yang iri hati dan sanggup melakukan apa sahaja demi kepentingan diri. Kepelbagaian ini bukan sahaja memperkayakan jalan cerita, malah memberikan gambaran yang lebih luas tentang peranan, sifat, dan motivasi wanita dalam masyarakat, sekali gus membuka ruang untuk analisis yang lebih mendalam dari sudut sastera, linguistik, dan feminisme.

SOROTAN LITERATUR BERKAITAN CERITA "CINDERELLA" OLEH GRIMM BROTHERS

Cerita "Cinderella" oleh Grimm Brothers telah menjadi subjek utama dalam pelbagai kajian akademik, khususnya dalam bidang sastera dan linguistik. Kepelbagaian adaptasi dan interpretasi terhadap naratif ini telah menarik minat ramai pengkaji untuk meneliti aspek penokohan, nilai budaya, serta representasi gender yang terkandung di dalamnya. Oleh itu, sorotan literatur ini akan membincangkan beberapa kajian utama yang telah dijalankan berkaitan cerita "Cinderella" versi Grimm Brothers, seterusnya menyoroti kelompangan yang wujud dalam kajian terdahulu serta mengaitkannya dengan pendekatan linguistik feminis yang digunakan dalam kajian ini.

Antaranya ialah kajian Andika Pratama (2023) yang membandingkan penokohan watak Cinderella dalam dua versi dongeng, iaitu "Cinderella" karya Grimm Brothers (1812) dan versi yang telah disunting oleh Edna Henry Lee Turpin (1903) melalui pendekatan psikoanalisis berasaskan teori Id, Ego dan Superego. Hasil analisis mendapati bahawa kedua-dua versi menampilkan persamaan sifat utama watak Cinderella seperti solehah, baik hati, lemah, cantik, sabar, misterius, rajin, rendah hati, naif dan bergantung. Namun demikian, terdapat tiga ciri yang hanya ditemukan dalam versi Grimm Brothers (1812), iaitu sifat lebih bergantung, egois dan sembrono. Kajian ini menegaskan bahawa aspek psikologi dan motivasi dalaman memainkan peranan penting dalam membentuk tindakan serta perkembangan watak Cinderella dalam kedua-dua versi cerita tersebut. Walau bagaimanapun, fokus kajian lebih menumpu kepada dimensi psikologi watak dan kurang meneroka bagaimana pilihan bahasa (misalnya adjektif, frasa nama dan struktur ayat) menyumbang kepada pembinaan citra gender, khususnya dari sudut linguistik feminis.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Dang Thi Nguyet (2017) menganalisis perbandingan wacana menggunakan pendekatan Systemic Functional Linguistics dalam empat versi Cinderella, iaitu versi Jerman oleh Grimm Brothers (1857), Perancis oleh Perrault

(1697), dan dua versi Vietnam oleh Nguyen (1982). Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara setiap versi dalam mencerminkan nilai moral dan budaya melalui penggunaan bahasa, terutamanya dalam representasi makna pengalaman dan interpersonal. Walaupun tema kebaikan mengatasi kejahatan adalah bersifat universal, versi Barat cenderung menekankan aspek tindakan dan pengampunan, manakala versi Vietnam lebih menonjolkan emosi, pemikiran serta hukuman yang lebih keras, yang secara tidak langsung mencerminkan konteks budaya masing-masing. Kajian ini memperlihatkan kekuatan analisis linguistik yang teliti terhadap wacana, namun ia tidak secara khusus mbingkai analisisnya dalam kerangka linguistik feminis untuk menilai bagaimana struktur bahasa mempengaruhi kedudukan dan kuasa watak-watak wanita.

Selain itu, Novi Karlinda Safitri (2024) telah menjalankan kajian sastera bandingan yang membandingkan cerita "Cinderella" oleh Grimm Brothers dengan cerita "Yeh-Shen" yang terkenal di China. Hasil kajian mendapati kedua-dua cerita ini mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi unsur intrinsik seperti tema, alur, watak dan latar. Kajian ini turut menyoroti bahawa kedua-dua cerita rakyat ini memberi manfaat kepada kanak-kanak, antaranya sebagai hiburan, pendidikan moral serta memperkenalkan nilai budaya masyarakat masing-masing. Kekuatan kajian ini terletak pada perbandingan rentas budaya yang menjelaskan fungsi didaktik dongeng, namun tumpuannya masih bersifat umum dan tidak mengupas secara mendalam strategi linguistik yang digunakan untuk membentuk imej watak wanita.

Di samping itu, Oğuzhan Ayrim (2024) telah menjalankan kajian bandingan dengan menganalisis adaptasi "Cinderella" dalam siri anime *The Grimm Variations* yang ditayangkan di Netflix pada April 2024 sebagai "anti-tale" yang menentang naratif klasik Brothers Grimm. Dalam adaptasi ini, watak utama, Kiyoko, digambarkan sebagai wanita yang berkuasa dan manipulatif, berbeza dengan Cinderella tradisional yang pasif. Kajian ini menonjolkan subversi feminis dalam adaptasi tersebut, di mana Kiyoko mencapai kebebasan dan kuasa bukan melalui perkahwinan, tetapi melalui manipulasi dan strategi, sekali gus mencabar peranan gender konvensional dalam dongeng. Walaupun kajian ini jelas memperlihatkan bacaan feminis yang kritikal terhadap representasi wanita, fokusnya adalah pada adaptasi kontemporari dalam medium anime dan bukannya pada analisis terperinci bentuk bahasa dalam teks naratif klasik.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa kebanyakan kajian terdahulu berkisar kepada perbandingan antara pelbagai versi cerita "Cinderella", terutamanya dari sudut penokohan, nilai budaya dan representasi gender. Beberapa kajian menggunakan pendekatan psikoanalisis, analisis wacana dan sastera bandingan, malah ada yang membawa perspektif feminis, namun kajian-kajian ini masih cenderung memberi tumpuan kepada tema, plot dan interpretasi makna secara umum berbanding analisis mendalam terhadap pilihan linguistik yang membentuk imej wanita. Di samping itu, hampir semua kajian yang dibincangkan tertumpu kepada versi Barat (Jerman, Perancis, Vietnam, China dan adaptasi moden), sedangkan versi bahasa Arab yang diolah dalam kerangka nilai budaya dan moral Islam masih kurang diberikan perhatian.

Kelompangan ini penting kerana versi Arab bukan sahaja mengadaptasi jalan cerita dan watak "Cinderella", tetapi juga menyesuaikan dengan norma sosial dan wacana keagamaan yang berbeza, yang berpotensi menghasilkan representasi wanita yang unik dari segi bahasa dan ideologi gender. Justeru, kajian ini mengambil pendekatan linguistik feminis untuk menganalisis naratif kanak-kanak "Cinderella" versi bahasa Arab secara lebih terperinci, dengan meneliti bagaimana pemilihan kosa kata, struktur ayat dan strategi wacana membentuk representasi watak-watak wanita. Pendekatan ini diharap dapat mengisi jurang dalam kajian sedia ada dengan memberikan sumbangan baharu yang bukan sahaja memperluas perbincangan tentang Cinderella dalam konteks dunia Islam, tetapi juga memperkayakan wacana linguistik feminis dalam kajian sastera kanak-kanak.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis kandungan yang digabungkan dengan analisis wacana feminis. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk meneliti

bagaimana bahasa dalam naratif kanak-kanak digunakan bagi membentuk dan menormalisasikan persepsi gender. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti dan mengkategorikan unsur linguistik utama, manakala analisis wacana feminis digunakan untuk menafsir makna kuasa, ideologi dan stereotaip gender yang tersirat dalam teks.

Data kajian terdiri daripada teks penuh cerita “Cinderella” versi bahasa Arab yang terkandung dalam buku *Raibunzel wa Qasas Ukhra* karya Marwa Abdel Fattah Shehata (2012), iaitu adaptasi daripada “Cinderella” versi Brothers Grimm (1812). Teks ini dipilih kerana (i) merupakan adaptasi terus daripada versi klasik yang banyak dijadikan rujukan, (ii) ditulis dalam bahasa Arab moden yang disasarkan kepada pembaca kanak-kanak, dan (iii) memaparkan watak-watak wanita utama, iaitu Cinderella, kakak tiri dan ibu tiri, dalam konteks budaya dan nilai Islam. Keseluruhan bahagian cerita “Cinderella” dijadikan korpus kajian.

Kerangka teori kajian ini menggabungkan Teori Skema Gender Sandra Bem (1981) dengan pendekatan linguistik feminis seperti yang dibincangkan oleh Lazar (2005) dan Cameron (1998). Teori Skema Gender digunakan untuk menjelaskan bagaimana teks membina dan mengukuhkan skema kognitif tentang “wanita ideal” dan “wanita menyimpang” melalui bahasa, manakala perspektif linguistik feminis membantu membongkar hubungan kuasa dan ideologi patriarki yang beroperasi dalam wacana. Konsep wacana kritis Fairclough (1995) turut dirujuk secara sokongan untuk menghubungkan ciri-ciri linguistik dengan konteks sosial dan budaya yang lebih luas.

Unit analisis dalam kajian ini ialah ayat dan dialog yang merujuk kepada watak-watak wanita (Cinderella, kakak tiri, ibu tiri). Hanya ayat dan dialog yang (i) menyebut nama atau kata ganti nama yang merujuk kepada mereka, dan (ii) mengandungi unsur deskriptif atau tindakan yang berkaitan dengan sifat peribadi, penampilan fizikal atau perbuatan dipilih sebagai data. Daripada unit-unit ini, tiga kategori utama unsur linguistik dikenal pasti: (i) kata adjektif yang menyifatkan watak, (ii) frasa nama yang menggambarkan penampilan dan status, dan (iii) kata kerja yang menunjukkan perbuatan dan tindakan.

Prosedur analisis dijalankan secara berturutan. Pertama, teks dibaca beberapa kali untuk mendapatkan pemahaman menyeluruh tentang jalan cerita dan penokohan. Kedua, semua ayat dan dialog yang memenuhi kriteria pemilihan ditandakan dan diekstrak. Ketiga, kata adjektif, frasa nama dan kata kerja yang dinisbahkan kepada watak wanita dikenal pasti dan disusun dalam jadual mengikut kategori. Keempat, unsur-unsur ini dianalisis dari segi bentuk morfologi, makna leksikal dan konotatif, serta fungsi sintaksis dalam ayat, sebelum akhirnya ditafsir melalui Teori Skema Gender dan kerangka linguistik feminis bagi menjelaskan bagaimana ciri-ciri linguistik tersebut membentuk representasi wanita dalam naratif *Cinderella* versi bahasa Arab.

ANALISIS DAPATAN

Representasi Sifat Peribadi Wanita

Sifat peribadi watak dapat dilihat melalui pemilihan leksikon penanda sifat dan keadaan yang dinisbahkan kepada setiap watak dalam naratif kanak-kanak Cinderella versi bahasa Arab. Jadual 1 menunjukkan himpunan kosa kata bersama kata dasar, makna, watak yang dirujuk dan konteks ayat.

JADUAL 1. Kosa Kata Sifat Peribadi

Kosa Kata	Kata Dasar	Makna	Watak	Ayat
مطبعة	طاع	Taat	Cinderella	كانت فتاة مطبعة
طيبة	طيب	Baik	Cinderella	كانت فتاة طيبة
شريرتان	شرير	Jahat	Kakak tiri	الفتاتان جميلتين لكنهما شريرتان

المسكينة	مسكين	Miskin/ Kasihan	Cinderella	أفسدتا على سندريلا المسكينة حياتها
الحزن	حزن	Sedih	Cinderella	الحزن يملأ قلبها
الحمقاء	أحمق	Bodoh	Kakak tiri	ففعلت الفتاة الحمقاء ما أمرت به أمها

Berdasarkan Jadual 1, kosa kata sifat peribadi yang digunakan dapat memperlihatkan bagaimana watak-watak wanita dalam naratif Cinderella versi Arab dibentuk melalui pemilihan kata sifat tertentu. Dari aspek morfologi, penggunaan *ta marbutah* (ة) pada akhir kata seperti مطيعة dan طيبة menandakan sifat ini khusus untuk Cinderella sebagai watak wanita, sekali gus menonjolkan ciri-ciri seperti ketaatan dan kebaikan yang menjadi identiti utama dirinya sepanjang naratif. Sifat-sifat ini diperkukuh lagi dengan penggunaan alif lam (ال) pada kata seperti المسكينة, yang menegaskan keadaan Cinderella sebagai seorang yang sentiasa dikasihani dan sering menjadi mangsa, manakala الحمقاء pula menegaskan sifat kebodohan yang dikaitkan secara khusus dengan watak salah seorang daripada kakak tiri. Dalam masa yang sama, penambahan alif dan nun pada akhir kata seperti شريرتان digunakan untuk menggambarkan dua orang kakak tiri sebagai satu kumpulan wanita yang berkongsi sifat negatif, menonjolkan peranan mereka sebagai antagonis secara kolektif. Jelaslah bahawa pembentukan kata sifat dalam naratif ini bukan sahaja menandakan jantina dan bilangan, malah turut memperkukuh sifat-sifat dan peranan watak wanita dalam cerita Cinderella.

Dari aspek semantik, makna yang terkandung dalam kosa kata tersebut membentuk persepsi tertentu terhadap wanita. Sifat-sifat positif seperti مطيعة (taat), طيبة (baik), dan المسكينة (miskin/kasihan) sering dikaitkan dengan watak utama wanita, iaitu Cinderella. Sifat-sifat ini menonjolkan imej wanita sebagai individu yang patuh, lemah lembut, dan sering menjadi mangsa keadaan. Ini mencerminkan stereotaip tradisional terhadap wanita dalam sastera, di mana wanita ideal digambarkan sebagai pasif, sabar, dan menerima nasib. Sebaliknya, watak wanita antagonis seperti kakak tiri digambarkan dengan sifat negatif seperti شريرتان (jahat) dan الحمقاء (bodoh), yang menonjolkan imej wanita yang menentang norma sebagai tidak baik atau kurang bijak. Hal ini menunjukkan adanya pembahagian yang jelas antara wanita "baik" dan "jahat" berdasarkan sifat peribadi yang ditonjolkan melalui bahasa.

Dari aspek sintaksis, kesemua kosa kata dalam jadual berfungsi sebagai kata sifat kecuali perkataan الحزن. Ini kerana dalam ayat الحزن يملأ قلبها, perkataan الحزن merupakan kata nama yang berfungsi sebagai subjek utama, seolah-olah kesedihan itu sendiri mempunyai kuasa untuk menguasai hati wanita. Walaupun perkataan ini bukan kata sifat secara gramatikal, kata nama ini tetap berperanan untuk menyifatkan keadaan dalaman watak. Hal ini menonjolkan bahawa kesedihan merupakan unsur dominan dalam kehidupan watak Cinderella, seorang individu yang sarat dengan emosi dan penderitaan.

Secara keseluruhannya, pemilihan sifat seperti المسكينة، طيبة، مطيعة bagi Cinderella dan شريرتان، الحمقاء bagi kakak tiri membentuk dikotomi yang jelas antara "wanita baik" yang patuh dan menderita dengan "wanita jahat" yang agresif dan kurang bijak. Dari sudut analisis wacana feminis, pola ini sejajar dengan dapatan Cameron (1998) yang menunjukkan bagaimana leksikon penilai digunakan untuk mengekalkan skema gender tradisional melalui bahasa seharian, iaitu wanita ideal dikaitkan dengan ketaatan dan pengorbanan, manakala wanita yang melawan diwakili dengan istilah yang merendah-rendahkan. Namun demikian, penekanan berlebihan pada kesabaran dan penderitaan Cinderella juga membuka ruang

pembacaan kritikal bahawa bahasa berfungsi sebagai alat kawalan simbolik (Fairclough, 1995), yang secara halus menormalkan penderitaan wanita sebagai sesuatu yang wajar dan terpuji dalam naratif Islami.

Penggambaran Penampilan Fizikal Wanita

Penampilan fizikal wanita dapat digambarkan melalui pemilihan kata nama bersifat deskriptif dan kata sifat yang mengacu pada kecantikan, pakaian, tahap kebersihan, aksesori, dan anggota badan. Jadual 2 menunjukkan senarai frasa Arab yang dikenal pasti beserta terjemahan ringkasnya, merangkumi pola *na'at-man'ut* dan *jumlah ismiyyah* yang menyatakan keadaan, serta unsur rujukan tubuh. Frasa-frasa ini membentuk gambaran komposit tentang rupa dan perhiasan watak wanita dalam naratif.

JADUAL 2. Kosa Kata Penampilan Fizikal

Kosa Kata	Makna	Positif/Negatif	Watak
الفتاتان جميلتين	Dua gadis yang cantik	Positif	Kakak tiri
ملابسها الجميلة	Pakaian cantiknya	Positif	Cinderella
ثوبًا رماديًا باليًا	Gaun berwarna kelabu lusuh	Negatif	Cinderella
ثيابها متسخة	Pakaiannya kotor	Negatif	Cinderella
فستانا من الذهب والفضة	Gaun dari emas dan perak	Positif	Cinderella
حذاء من الحرير مرصعًا بالترتر	Kasut sutera bertatah manik-manik	Positif	Cinderella
الفتاة الجميلة	Gadis yang cantik	Positif	Cinderella
ثيابها الجميلة	Pakaiannya yang cantik	Positif	Cinderella
ثوبها الرمادي المتسخ	Gaun kelabu yang kotor	Negatif	Cinderella
الحذاء الذهبي	Kasut emas	Positif	Cinderella
قدمها جميلتان	Dua kaki yang cantik	Positif	Kakak tiri
عقب قدمها الكبير	Tumit kakinya yang besar	Negatif	Kakak tiri
هي متسخة	Dia kotor	Negatif	Cinderella
حذاءها الرديء	Kasutnya yang buruk	Negatif	Cinderella

Berdasarkan Jadual 2, kosa kata yang dipilih memperlihatkan medan semantik penampilan yang tersusun, di mana sifat evaluatif cantik (الجميلة) kerap berkolokasi dengan unsur pakaian seperti ملابس dan ثياب serta tubuh seperti الفتاة dan قدما. Terdapat juga penanda status material melalui bahan berharga seperti emas dan perak (الذهب والفضة) yang dipadankan dengan gaun (فستانًا), serta sutera bertatah manik (الحرير مُرَصَّعًا بالترتر) yang

dipadankan dengan kasut (حذاء), sekali gus membawa semantik kemewahan dan keagungan. Dari sudut feminisme, pilihan kata ini menunjukkan bahawa nilai wanita diikat pada rupa dan barang mewah; “*male gaze*” di sini bermakna perempuan digambarkan untuk dipandang dan dinilai, bukannya untuk bertindak. Apabila pujian tertumpu pada الذهب والفضة, الحرير, dan جميلة, naratif memberi mesej bahawa wanita yang “baik” ialah yang cantik, bersih, dan berhias mahal, maka yang tidak menepati standard ini mudah dianggap kurang bernilai.

Selain itu, beberapa kosa kata negatif berpusat pada warna baju yang suram seperti kelabu (الرمادي), diri dan baju yang kotor (المتسخ), kasut yang buruk (الرديء), serta penyimpangan saiz tubuh, iaitu tumit kaki yang besar (الكبير). Secara sintaksis, rentetan *na’at man’ut* menumpuk ciri negatif yang menguatkan prosodi nilai yang menghukum. Hal ini dapat dilihat pada kombinasi warna + kebersihan dalam frasa ثوبها الرمادي المتسخ yang menegaskan bahawa baju tersebut benar-benar dalam keadaan uzur. Dari perspektif feminisme, pilihan leksikal ini menormalisasikan pengawasan ke atas pakaian dan tubuh, mengesahkan standard kecantikan yang sempit serta bias kelas, iaitu “kotor/kelabu” ditandai sebagai rendah. Kesannya, naratif membahagikan perempuan kepada dua kutub nilai, iaitu “cantik/bersih/mahal” lawan “kotor/kelabu/buruk”, yang menguatkan keutamaan patriarki terhadap rupa dan harta.

Rumusannya, medan semantik penampilan yang terbina melalui kata seperti جميلة, الذهب والفضة, الحرير مقابل الرمادي, المتسخ, الرديء mengukuhkan hierarki nilai berasaskan tubuh dan pakaian wanita. Ini selari dengan hujah Lazar (2005) bahawa wacana media dan naratif popular sering mempamerkan apa yang beliau istilahkan sebagai *patriarchal bargain*, iaitu wanita memperoleh pengiktirafan dan mobiliti sosial dengan mematuhi standard kecantikan yang ditentukan struktur patriarki. Dari sudut analisis wacana kritis Fairclough (1995), pengulangan pasangan leksikal positif/negatif ini bukan sekadar deskripsi neutral, tetapi satu amalan wacana yang mereproduksi kuasa, apabila tubuh wanita dijadikan tapak utama penilaian moral dan sosial. Justeru, naratif Cinderella versi Arab ini memperlihatkan bagaimana bahasa penampilan fizikal berfungsi sebagai mekanisme halus yang memantapkan tatapan (*gaze*) patriarki terhadap wanita.

Perbuatan dan Tindakan Watak Wanita

Perbuatan dan tindakan watak wanita dalam naratif kanak-kanak Cinderella dihipunkan untuk menilai representasi wanita. Analisis menumpukan pada kata kerja yang dinisbahkan kepada setiap watak, iaitu Cinderella, ibu tiri dan kakak tiri. Jadual berikut memperincikan perbuatan dalam petikan Arab, terjemahan petikan, kata kerja teras, serta makna kata kerja tersebut.

JADUAL 3. Perbuatan dan Tindakan Watak Cinderella

Perbuatan	Makna	Kata Kerja	Makna
تذهب إلى قبر أمها.	Dia pergi ke kubur ibunya.	ذهب	Pergi
تبكي.	Dia menangis.	بكى	Menangis
تنتحب.	Dia meratap	نحب	Meratap
تكسب قوت يومها.	Dia mencari nafkah hariannya.	كسب	Mencari (Rezeki)

تعمل مع الخادمة في المطبخ.	Dia bekerja bersama pembantu di dapur.	عمل	Bekerja
اضطرت أن تؤدي مهامها شاقة.	Dia terpaksa melakukan tugas-tugas yang sukar.	اضطرّ، أدّى	Terpaksa, Melakukan
تستيقظ مبكراً.	Dia bangun awal.	استيقظ	Bangun
إحضار المياه.	Mengambil air.	أحضر	Mengambil
إشعال المدفأة.	Menyalakan perapian.	أشعل	Menyalakan
طهي الطعام.	Memasak makanan.	طهى	Memasak
غسل الملابس.	Mencuci pakaian.	غسل	Mencuci
تشعر بالتعب.	Dia berasa letih.	شعر	Merasa
فعلت ما طلب منها.	Dia melakukan apa yang diminta darinya.	فعل، طلب	Melakukan, Meminta
لم تستطع منع دموعها.	Dia tidak dapat menahan air matanya.	استطاع، منع	Dapat, Menahan
أرادت أن تذهب إلى الحفل.	Dia ingin pergi ke pesta.	أراد	Ingin
توسلت تسمح لها بالذهاب.	Dia merayu supaya diizinkan untuk pergi.	توسّل، سمح	Merayu, Mengizinkan
ألحت عليها سندريلا.	Cinderella mendesak kepadanya.	ألحّ	Mendesak
ركضت تجاه الباب الخلفي.	Dia berlari ke arah pintu belakang.	ركض	Berlari
ارتدت سندريلا الفستان.	Cinderella memakai gaun itu.	ارتدى	Memakai
رقصت سندريلا مع الأمير.	Cinderella menari bersama putera raja.	رقص	Menari
أفلتت من بين يديه.	Dia melepaskan diri dari tangannya.	أفلت	Melepaskan diri
حملت فستانها الجميل إلى العصفور.	Dia membawa gaun indah kepada burung itu.	حمل	Membawa
غسل وجهها ويديها.	Dia mencuci muka dan tangannya.	غسل	Mencuci
انحنت أمام الأمير.	Dia menunduk di hadapan putera raja.	انحنى	Menunduk
خلعت حذاءها الرديء.	Dia menanggalkan kasut buruknya.	خلع	Menanggalkan

Berdasarkan Jadual 3, sejumlah kata kerja yang berkaitan rapat dengan ranah emosi dapat dikenal pasti, antaranya menangis (بكى), meratap (نحب), merasa letih (شعر), serta struktur yang menandakan kelemahan atau keterbatasan seperti tidak dapat menahan air mata (لم تستطع منع دموعها). Selain itu, bentuk seperti merayu (توسّل) dan mendesak (ألحّ) turut memperlihatkan luahan afektif melalui desakan emosional yang akhirnya memerlukan izin

(سمح) daripada pihak berkuasa ke atasnya. Kata kerja ingin (أراد) pula menambahkan dimensi harapan dan hasrat peribadi untuk mencapai sesuatu yang didambakan, iaitu pergi ke pesta, sementara tindakan berlari (ركض) ke arah pintu belakang memperlihatkan usaha gigih memenuhi syarat atau perintah yang diminta, demi merealisasikan keinginannya. Keseluruhan kata kerja ini menggambarkan Cinderella sebagai watak yang sarat dengan pengalaman emosional negatif seperti kesedihan, keletihan, kelemahan dan harapan.

Seterusnya, pada awal naratif, kata kerja yang terakam seperti pergi (ذهب) ke kubur ibunya, mencari rezeki (كسب), bekerja (عمل) di dapur, bangun awal (استيقظ), mengambil air (أحضر), menyalakan perapian (أشعل), memasak (طهى), mencuci pakaian (غسل), serta melakukan apa yang diminta (فعل، طلب), memperlihatkan rangkaian perbuatan yang sering disinonimkan dengan sosok wanita dalam konteks tradisional. Dari perspektif analisis gender, kata kerja tersebut mengukuhkan stereotaip peranan feminin yang menekankan ketekunan, kepatuhan, dan pengabdian dalam ranah rumah tangga. Naratif ini secara simbolik membentuk citra wanita sebagai individu yang hidupnya didominasi oleh kerja berulang, kerja tidak kelihatan, serta tanggungjawab terhadap keperluan orang lain, sekali gus mengekalkan struktur hierarki sosial yang menempatkan wanita dalam lingkaran domestik dan subordinasi.

Di penghujung naratif, kosa kata kerja yang digunakan memperlihatkan bagaimana keinginan Cinderella akhirnya tercapai, namun masih diselubungi strategi menyembunyikan identiti. Tindakan memakai (ارتدى) gaun indah dan menari (رقص) bersama putera raja menegaskan keluhuran hasrat yang akhirnya dipenuhi, iaitu meraih pengalaman serta pengiktirafan sosial. Namun, pada masa yang sama, kata kerja melepaskan diri (أفلت) memaparkan sifat berhati-hati yang terpaksa dilakukan bagi menjaga rahsia dirinya. Perbuatan membawa (حمل) gaun kepada burung, mencuci (غسل) wajah dan tangan, serta menanggalkan (خلع) kasut buruknya menunjukkan kesinambungan peranan domestik dan simbolik yang tidak hilang daripada diri Cinderella walaupun saat transformasi. Tambahan pula, tindakannya menunduk (انحنى) di hadapan putera raja melukiskan etika sosial yang masih mengawal pertemuan wanita dengan figura berkuasa. Oleh itu, gugusan kata kerja ini menzahirkan naratif bahawa walaupun Cinderella memperoleh jalannya menuju perubahan hidup, proses tersebut masih tertakluk kepada norma, kepatuhan, dan pengaburan identiti yang perlu dijaga.

JADUAL 4. Perbuatan dan Tindakan Watak Ibu Tiri

Perbuatan	Makna	Kata Kerja	Makna
أحضرتها معها إلى المنزل	Dia membawa kedua-duanya ke rumah.	أحضر	Membawa
ألقى الأم بصحن البازلاء	Ibu melemparkan sepinggan kacang polong.	ألقى	Melempar
فكرت الأم أنها بذلك تخلصت منها	Ibu berfikir bahawa dengan cara itu, dia telah menyingkirkannya.	فكر، تخلص	Berfikir, Menyingkirkan
أمسكت بصحنين من البازلاء	Dia memegang dua mangkuk kacang polong.	أمسك	Memegang

نثرتهما وسط الرماد	Dia menaburkannya di tengah abu.	نثر	Menabur
غادرت مع ابنتيهما	Dia pergi bersama kedua-anak perempuannya.	غادر	Pergi
وقفت الأم بجوارها	Ibu berdiri di sebelahnya.	وقف	Berdiri
أعطتها أمها سكيناً	Ibunya memberikan pisau kepadanya.	أعطى	Memberi
قالت لها: "لا يهيم، اقطعها"	Dia berkata kepadanya, "Tidak mengapa, potonglah!"	قطع	Memotong
تضغت عليها حتى سال الدم منه	Dia menekan sehingga darah mengalir darinya.	ضغط	Menekan
أخذتها إلى الأمير	Dia membawa anaknya kepada putera raja.	أخذ	Mengambil
الأم قالت: "فهى متسخة للغاية"	Ibu berkata: "Dia sangat kotor."	قال	Berkata

Jadual 4 menunjukkan kosa kata kerja dan tindakan bagi watak ibu tiri terhadap Cinderella dan anak-anaknya. Perbuatan ibu tiri terhadap Cinderella ditandai oleh rangkaian kata kerja material yang menonjolkan agensi yang dipacu oleh hasrat dominasi. Perlakuan ibu tiri dimulakan dengan membawa (أحضر) kedua-dua anaknya ke rumah Cinderella, menandakan kedatangan mereka sebagai "penguasa baharu" di ruang domestik. Tindakan seterusnya ialah melempar (ألقى) sepinggan kacang polong, kemudian berfikir untuk menyingkirkan (تخلص) dengan merancang strategi untuk menyusahkan Cinderella. Tindakan memegang (أمسك) mangkuk kacang, lalu menabur (نثر) di tengah abu mengubah kerja rumah menjadi instrumen kawalan. Rantainya ini dilengkapi oleh tindakan berkata (قال) dengan ujaran merendahkan terhadap Cinderella, yang memadukan kekerasan material dan simbolik. Dari sudut linguistik, pemilihan kata kerja transitif bernilai negatif menempatkan ibu tiri sebagai agen aktif dan Cinderella sebagai pasien yang terkesan, sekali gus membentuk representasi wanita berkuasa yang memobilisasi agensi untuk tujuan penindasan.

Dalam hubungan ibu tiri dengan anak-anaknya, naratif memperlihatkan keibuan yang bersyarat serta berorientasikan strategi sosial. Pada peringkat awal, ibu tiri pergi (غادر) bersama anak-anaknya ke majlis dan berdiri (وقف) di sisi mereka, membina citra sokongan dan penjagaan. Namun, apabila mendapati kasut yang dicuba tidak muat, citra tersebut beralih kepada paksaan, di mana tindakan ibu tiri memberi (أعطى) pisau sambil mengarahkan anaknya memotong (قطع) hujung kaki dan menekan (ضغط) agar kaki muat ke dalam kasut, seterusnya mengambil (أخذ) anaknya menghadap putera raja demi memperoleh pengiktirafan. Dari sudut analisis feminis-linguistik, rangkaian kata kerja material dan kausatif ini menandakan agensi ibu yang dominan tetapi memusatkan keganasan terhadap tubuh perempuan muda. Kasih sayang diposisikan sebagai retorik, manakala keibuan berfungsi sebagai mekanisme kawalan dan mobiliti status yang menormalisasikan pengorbanan tubuh.

JADUAL 5. Perbuatan dan Tindakan Watak Kakak Tiri

Perbuatan	Makna	Kata Kerja	Makna
أفسدتا على سندريلا المسكينة حياتها.	Mereka merosakkan hidup Cinderella yang kasihan.	أفسد	Merosakkan
أخذتا منها كل ملابسها الجميلة.	Mereka mengambil semua pakaian cantiknya.	أخذ	Mengambil
قدمتا لها بدلا منها ثوبا رماديا باليا.	Mereka memberikan kepadanya sehelai pakaian kelabu lusuh sebagai ganti.	قدم	Memberi
سخرتا منها.	Mereka mengejeknya.	سخر	Mengejek
دفعتاها نحو المطبخ.	Mereka menolaknya ke arah dapur.	دفع	Menolak
أنزلت الفتاتان بها العذاب.	Kedua kakak tiri itu menimpakan penderitaan ke atasnya.	أنزل	Menurun/Menimpa
نادتا عليها.	Mereka memanggilnya.	نادى	Memanggil
ابتهجت الشقيقتان.	Kedua kakak tiri itu bergembira.	ابتهج	Bergembira
لم يكن لديهما أدنى شك.	Mereka tidak mempunyai sebarang keraguan.	شك	Meragui
أرادت انتعاله.	Dia ingin memakainya.	أراد ، انتعل	Ingin, Memakai
فعلت ما أمرت به أمها.	Dia melakukan apa yang diperintahkan oleh ibunya.	فعل	Melakukan
حشرت قدمها داخل الحذاء.	Dia memaksa kakinya masuk ke dalam kasut.	حشر	Memasukkan secara paksa

Berdasarkan Jadual 5, tindakan kakak tiri memperlihatkan pola penindasan sistematik terhadap watak utama. Kata kerja “أفسد” (merosakkan) menggambarkan kelakuan zalim terhadap kehidupan Cinderella dengan menyekat kebebasan dan kesejahteraannya, dan “أخذ” (mengambil) pula menandakan perampasan hak milik dan maruah apabila segala pakaian serta barang berharga dirampas. Perbuatan “قدم” (memberi) bukanlah pemberian yang memulihkan, sebaliknya pelaksanaan tokenistik yang menggantikan pakaian indah dengan baju lusuh, lalu menormalisasikan hierarki kuasa dalam rumah. Seterusnya, “سخر” (mengejek) menginstitusikan keganasan simbolik melalui bahasa yang merendah-rendahkan dan “دفع” (menolak) memperlihatkan paksaan fizikal yang menafikan agensi Cinderella. Perkataan “أنزل” (menurun/menimpa) menunjukkan pelimpahan beban kerja dan penderitaan, manakala “نادى” (memanggil) berfungsi sebagai mekanisme kawalan, memposisikan Cinderella sebagai pelayan yang sentiasa tersedia. Keseluruhannya, kumpulan verba ini membentuk medan semantik penindasan yang menyatukan keganasan material, verbal, dan psikologis.

Sebaliknya, jadual ini turut menonjolkan rangkai kata kerja yang berorientasi kepada diri kakak tiri, yang menampilkan motivasi positif, rasa gembira, keyakinan, serta ketaatan terhadap suruhan ibu walaupun menjerumuskan diri ke dalam kesakitan. Penggunaan “ابتهج” (bergembira) menandakan kepuasan afektif yang diperoleh daripada pengukuhan status mereka, dan kemunculan “شكّ” (meragui) yang terbatas pula mengisyaratkan keyakinan diri dalam menjustifikasi tindakan mereka. Pilihan kehendak melalui “أراد” dan tindakan instrumental “اتعلّ” (ingin, memakai) melukiskan agensi diri untuk memperelok penampilan dan menegaskan identiti sosial. Verba umum “فعل” (melakukan) mengukuhkan kepatuhan operatif terhadap arahan ibu sebagai pusat kuasa, dan “حشر” (memasukkan secara paksa) menzahirkan kesanggupan memenuhi suruhan biarpun memudaratkan diri atau orang lain. Keseluruhannya, kluster verba ini bukan sekadar mencerminkan perilaku, tetapi juga wacana nilai yang memayungi tindakan mereka, walaupun bernuansa kezaliman.

Secara keseluruhannya, analisis perbuatan dan tindakan ketiga-tiga watak wanita ini memperlihatkan wacana kuasa yang saling berjalin antara kepatuhan, penindasan dan agensi terhad. Gugusan kata kerja yang dikaitkan dengan Cinderella mengukuhkan kedudukannya sebagai subjek domestik yang patuh dan sarat emosi, dengan agensi yang hanya muncul secara terhad dalam ruang yang dibenarkan naratif. Sebaliknya, ibu tiri dan kakak tiri dibina melalui rangkaian verba material dan kausatif yang meletakkan mereka sebagai agen dominan tetapi zalim, yang memobilisasi kuasa untuk mengawal dan mengeksploitasi tubuh serta kehidupan wanita lain.

Dari perspektif analisis wacana kritis Fairclough (1995), pola transitiviti ini memperlihatkan asimetri kuasa yang jelas antara “wanita yang menderita” dengan “wanita yang menguasai,” namun kedua-dua kumpulan masih beroperasi dalam kerangka patriarki yang sama. Sejajar dengan hujah Cameron (1998) dan Lazar (2005), tindakan ibu tiri dan kakak tiri menunjukkan bagaimana wanita juga boleh menjadi pelaksana wacana patriarki, apabila mereka menginternalisasi nilai bahawa status, kecantikan dan pengiktirafan lelaki (diwakili oleh kasut emas dan putera raja) ialah sumber nilai utama, lalu menggunakan bahasa dan tubuh sebagai medan persaingan dan penindasan. Dengan itu, kluster kata kerja bagi ketiga-tiga watak ini bukan sahaja menggambarkan perilaku individu, tetapi menyingkap bagaimana bahasa tindakan berfungsi sebagai tapak reproduksi dan, pada masa yang terhad, cabaran simbolik terhadap struktur gender dalam naratif Cinderella versi Arab.

PERBINCANGAN

Dari kisah klasik hingga naratif moden, wanita dalam sastera Arab sering digambarkan dalam kerangka simbolik yang terikat dengan nilai kehormatan, ketaatan dan pengorbanan. Walau bagaimanapun, setiap representasi tersebut sebenarnya mengandungi lapisan kognitif yang membentuk persepsi sosial terhadap peranan wanita. Bagi menyingkap lapisan ini, kajian ini menggunakan Teori Skema Gender oleh Sandra Bem (1981) sebagai pendekatan bagi menelusuri pembentukan makna jantina dalam teks sastera. Dalam konteks ini, analisis turut meneliti keselarasan nilai tersebut dengan prinsip Islam yang menekankan keseimbangan (*wasatiyyah*), keadilan dan penghormatan terhadap maruah wanita sebagaimana ditegaskan dalam al-Quran dan sunnah.

Teori Skema Gender oleh Sandra Bem (1981) menjelaskan bahawa individu membina persepsi dan jangkaan sosial terhadap lelaki dan wanita melalui struktur kognitif yang dikenali sebagai “skema gender.” Skema ini berfungsi sebagai penapis psikologi yang mempengaruhi

bagaimana seseorang mentafsir maklumat, menilai peranan sosial, serta memahami identiti jantina dalam budaya tertentu. Dalam konteks sastra Arab, pembentukan skema gender dapat dikesan melalui pemilihan diksi, imej, dan simbol yang menggambarkan feminin atau maskulin mengikut kerangka nilai masyarakat Arab-Islam yang berteraskan akhlak, kesucian dan hikmah.

1. Representasi Sifat Peribadi Wanita

Dapatan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa sifat peribadi watak wanita dibahagi secara jelas kepada dua kutub nilai. Cinderella dikaitkan dengan sifat المسكينة، طيبة، مطيعة dan keadaan الحزن، manakala kakak tiri dikaitkan dengan شريتان dan الحمقاء. Dari sudut Teori Skema Gender Bem (1981), pola ini menyokong skema feminin tradisional yang memposisikan wanita ideal sebagai patuh, baik hati dan sanggup menanggung penderitaan, manakala wanita yang menentang norma digambarkan sebagai jahat atau kurang bijak. Penggunaan ta marbūṭah dan bentuk dual dalam شريتان bukan sahaja menandakan jantina dan bilangan, tetapi juga menguncikan watak-watak ini dalam kategori kognitif tertentu.

Namun dapatan ini juga sedikit mengembangkan kerangka Bem. Walaupun Cinderella diposisikan sebagai المسكينة yang sarat الحزن dan stereotaip feminin, tindakan-tindakannya dalam naratif (seperti أرادت أن تذهب، توسلت، ألحت dalam Jadual 3) menunjukkan adanya dimensi keinginan dan usaha yang selari dengan konsep androgini psikologi Bem, iaitu individu boleh menggabungkan ciri feminin dan maskulin. Dalam kerangka nilai Islam, kesabaran (ṣabr) dan kefahaman terhadap makna di sebalik ujian pula merupakan ciri keimanan yang tinggi, sebagaimana Allah menegaskan bahawa “Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar.” Maka, melalui lensa skema gender, Cinderella dalam teks ini bukan sekadar simbol kelembutan dan kepatuhan, tetapi juga lambang keseimbangan psikologi dan spiritual antara empati, ketegasan dan keimanan yang dimaterialkan melalui pilihan leksikal yang merakam sifat dan tindakannya.

2. Penggambaran Penampilan Fizikal Wanita

Dalam kebanyakan karya klasik Arab, penampilan wanita sering dijadikan ukuran nilai dan kehormatan. Namun, dalam teks ini, penggambaran fizikal bukan lagi semata-mata bersifat erotik atau estetika, tetapi menjadi refleksi terhadap identiti dalaman dan kedewasaan spiritual. Menurut Teori Skema Gender, cara pengarang menampilkan tubuh wanita melambangkan bagaimana masyarakat membentuk skema jantina, iaitu kerangka kognitif tentang “bagaimana seorang wanita sepatutnya kelihatan.” Penggambaran penampilan fizikal dalam Jadual 2 memperlihatkan pembahagian yang kuat antara rupa yang diidealkan dan rupa yang dipandang rendah. Cinderella dan kakak tiri digambarkan melalui pasangan leksikal seperti الفتاتان جميلتين، ملابسهما الجميلة، فستانا من الذهب والفضة، حذاء من الحرير مرصعا بالترتر berbanding ثوبا رماديا باليا، ثوبها الرمادي المتسخ، حذاءها الرديء. Dalam rangka skema Bem, ini menyokong pandangan bahawa kecantikan, kebersihan dan keteraturan tubuh menjadi sebahagian daripada skema feminin dominan: wanita yang “sepatutnya” cantik dan kemas demi diterima masyarakat.

Namun, dapatan ini juga memperlihatkan bagaimana skema gender berlindung di sebalik skema kelas. Bahan-bahan mewah seperti الذهب، الفضة، الحرير menandakan bahawa nilai wanita dihubungkan dengan kemampuan tubuhnya untuk “memakai” kemewahan yang diiktiraf. Hal ini selari dengan Lazar (2005) yang menyebut konsep *patriarchal bargain*, iaitu wanita merunding kedudukan sosial dengan mematuhi standard kecantikan yang ditetapkan struktur patriarki. Dari sudut analisis wacana kritis Fairclough (1995), pengulangan frasa cantik dan mewah yang dipadankan dengan Cinderella sedangkan unsur kotor, lusuh dan buruk dilekatkan pada masa-masa penderitaannya mengesahkan bahawa tubuh wanita menjadi tapak utama penilaian moral dan sosial. Ini mengembangkan teori Bem dengan menunjukkan bahawa skema gender dalam teks Arab-Islam tidak berdiri sendiri, tetapi berkelindan dengan ideologi kelas dan kemewahan yang dimaknai secara moral.

3. Perbuatan dan Tindakan Watak Wanita

Tindakan watak wanita memperlihatkan transformasi dari kepasifan ke agensi. Dalam konteks teori skema gender, perubahan ini menandakan peralihan daripada skema feminin pasif kepada skema androgini aktif, di mana wanita tidak sekadar bertindak mengikut norma sosial tetapi mencipta makna tindakan sendiri. Analisis perbuatan dan tindakan (Jadual 3–5) memperlihatkan pembahagian agensi yang berbeza antara Cinderella, ibu tiri dan kakak tiri.

Cinderella dikaitkan dengan rangkaian kerja domestik dan emosi seperti ذهب، كسب، عمل،

تستيقظ، أحضر، أشعل، طهى، غسل، تشعر، لم تستطع منع دموعها، توسلت، ألحت، رقصت، انخنت. Ini menyokong skema feminin Bem (1981) yang menempatkan wanita dalam peranan merawat, mematuhi dan mengurus emosi orang lain. Selain kerja fizikal yang berulang, banyak kata kerja yang menggambarkan kelemahan dan permohonan izin, menandakan agensi yang terhad dan bergantung kepada pihak berkuasa.

Sebaliknya, ibu tiri dan kakak tiri dibina melalui kata kerja material dan kausatif seperti أفسد، ألقى، تخلص، نثر، أعطى، قطع، ضغط، أخذ، دفع، أنزل، حشر، سخر agen aktif yang mengawal tubuh dan kehidupan Cinderella. Dari perspektif Bem, ciri seperti dominasi, paksaan dan pengawalan lazimnya ditempatkan dalam skema maskulin. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ciri maskulin ini boleh dijalankan oleh watak wanita apabila mereka menjadi pelaksana wacana patriarki. Ini sejajar dengan analisis Cameron (1998) dan Lazar (2005) bahawa wanita juga boleh menginternalisasi dan menguatkan struktur gender yang menindas. Melalui pola transitiviti yang dihuraikan oleh Fairclough (1995), Cinderella konsisten sebagai pasien kepada verba keras ibu tiri dan kakak tiri, manakala kedua-dua watak antagonis ini menggunakan bahasa dan tindakan untuk memanjangkan kuasa patriarki (misalnya memaksa pemotongan kaki demi memenangi kasut emas dan putera raja).

Secara ringkas, dapatan kata kerja ini menyokong kerangka Bem bahawa skema feminin dan maskulin membentuk cara kita mengagihkan peranan, tetapi juga mengembangkan teori tersebut dengan menunjukkan secara empirik bahawa dalam teks Arab-Islam, skema maskulin boleh dimiliki oleh wanita yang mengutamakan kepentingan patriarki berbanding solidariti gender. Pada masa yang sama, agensi Cinderella muncul dalam ruang yang sempit, melalui keinginan, usaha dan tindak balas terhadap penderitaan, tanpa benar-benar keluar daripada rangka kepatuhan yang telah ditetapkan.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menelusuri representasi wanita dalam naratif *Cinderella* versi Bahasa Arab melalui lensa Teori Skema Gender Sandra Bem (1981) dan nilai Islam, dengan fokus pada analisis linguistik sifat pribadi, penampilan fizikal, dan tindakan watak. Dapatan menunjukkan bahawa bahasa memainkan peranan kritikal dalam membentuk skema gender, di mana Cinderella sering digambarkan dengan leksikon yang mengukuhkan stereotaip feminin tradisional seperti kepatuhan dan kesabaran, namun pada masa yang sama memperlihatkan agensi terhad dan kekuatan dalaman. Sebaliknya, watak ibu tiri dan kakak tiri digambarkan melalui kata kerja yang menonjolkan dominasi dan penindasan, mencerminkan bagaimana wanita juga boleh menjadi pelaksana wacana patriarki. Integrasi analisis linguistik dengan kerangka Bem dan nilai Islam ini memperkaya pemahaman tentang bagaimana bahasa bukan sahaja mengekalkan, tetapi juga berpotensi mencabar dan menafsir semula persepsi gender, menegaskan bahawa keadilan gender dalam konteks Islam berpaksikan kepada keseimbangan psikologi, spiritual, dan pengiktirafan potensi manusia.

RUJUKAN

- Andika Pratama. (2023). Comparison on Characterization of Cinderella from "Cinderella" Grimm's Fairy Tale (1812) and "Cinderella" Grimm's Fairy Tale Edited by Edna Henry Lee Turpin (1903). *Jurnal Penelitian Mahasiswa Indonesia*, 3(2). 251-259.
- Bem, S. L. (1981). Gender schema theory: A cognitive account of sex typing. *Psychological Review*, 88(4), 354-364. <https://doi.org/10.1037/0033-295X.88.4.354>
- Cameron, D. (1998). *The Feminist Critique of Language: A Reader*. Routledge.
- Dang Thi Nguyet. (2017). A Comparative Discourse Analysis of Cinderella Versions. *Hong Duc University Journal of Science*, 4(9). 97-108.
- Edna Henry Lee Turpin. (1903). *Grimm's Fairy Tales*. New York: Maynard, Merrill, & Co.
- Fairclough, N. (1995). *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. Longman.
- Grimm, J., L., K., & Grimm, W., C. (1812). *Grimm's Fairy Tales*. Newyork: Barnes & Nobels Classics.
- Lazar, M. M. (2005). *Feminist Critical Discourse Analysis: Gender, Power and Ideology in Discourse*. Palgrave Macmillan.
- Marwa Abdel Fattah Shehata. (2012). *Raibunzel wa Qasas Ukhra*. Hindawi.
- Novi Karlinda Safitri. (2024). Sastra Bandingan Cerita "Cinderella" dan Cerita "Yeh-Shen": Manfaat Cerita Rakyat Bagi Anak. *Media Bahasa, Sastra, dan Budaya Wahana*, 30(1). 1-11.
- Oguzhan Ayrim. (2024). Anti-Tales in Question: A Study on "Cinderella" of The Grimm Variations (2024). *Hacettepe University Journal of Faculty of Letters*, 41(2). 632-641.